

02 OKTOBER 2017

Heroin dalam sangkar burung

SINAR HARIAN • ISNIN 2 OKTOBER 2017

DARI KELANTAN

51

Heroin dalam sangkar burung

Taktik pemandu bot penambang sorok 752.5 gram heroin bernilai RM430,000 terbongkar

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU - Taktik seorang pemandu bot penambang menyorokkan 752.5 gram heroin bernilai RM430,000 dalam sangkar burung terbongkar pada satu serbuan di sebuah rumah di Kampung Lubuk Gong, Pasir Mas, Khamis lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, susulan itu, pasukan serbuan dari Bahagian Narkotik Ibu Pejabat Polis Dearah (IPD) Pasir Mas menahan seorang lelaki berusia 56 tahun yang juga pemilik rumah berkenaan.

"Hasil maklumat dan risikan, polis menyerbu rumah terbabit pada jam 6.30 petang.

"Pemeriksaan lanjut di belakang rumah suspek yang terletak hampir dengan Sungai Golok menemui sejumlah 215 botol lutsinar berisi serbuk putih diperkatakan dadah jenis he-

INFO ● Kesemua dadah itu dipercayai untuk bekalan di Kelantan dan negeri berjiran seperti Terengganu dan Pahang, manakala jumlah dadah sebanyak itu boleh menjadi bekalan kepada 75,000 penagih

roin," katanya.

Menurutnya, siasatan awal mendapati lelaki terbabit tidak mengaku dadah itu miliknya dan suspek juga tidak memiliki sebarang rekod berdaftar dadah, namun siasatan tetap diteruskan.

"Kami akan menjalankan siasatan lanjut termasuk merungkai bagaimana dadah itu boleh berada di dalam kawasan rumah suspek.

"Sehubungan itu, suspek kini di-



Hasanuddin (kanan) menyampaikan sidang media kepada para media semalam.

reman selama tujuh hari bermula semalam untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media di IPK Kelantan, di sini, semalam.

Beliau berkata, kesemua dadah itu dipercayai untuk bekalan di-

Kelantan dan negeri berjiran seperti Terengganu dan Pahang manakala jumlah dadah sebanyak itu boleh menjadi bekalan kepada 75,000 penagih.

"Kes disiasat mengikut Seksyen

39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh membawa hukuman mati," katanya.

Dalam pada itu, pihaknya sedang menggesa sepasang suami isteri berusia 38 dan 33 tahun yang beralamat di Taman Rantau Mas, Rantau Panjang bagi membantu siasatan berkaitan Seksyen 39B ADB 1952.

"Siasatan adalah susulan daripada satu serbuan yang dilakukan se-pasukan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) briged Tenggara di sebuah rumah di Kampung Bagus, Rantau Panjang pada jam 3.40 petang, 20 September lalu.

"Dalam serbuan itu, pelbagai jenis dadah ditemui termasuklah syabu seberat 133 gram, eramin 5 sebanyak 104 biji, pil WY sebanyak 2,000 biji serta pil ekstasi sebanyak 432 biji yang kesemuanya bernilai RM45,990," katanya.